



**SYARAT PENYERTAAN ATLET MASTER NEGARA  
DALAM KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER ASIA DAN DUNIA  
DAN  
KOMUNIKASI AHLI PERSATUAN OLAHRAGA MASTER NEGERI  
DENGAN POMM**

Persatuan Olahraga Master Malaysia (POMM) sentiasa menggalakkan atlet master Negara untuk menjadi aktif dan sihat dengan , menyertai dalam semua aktiviti POMM. Atlet master juga diberi sokongan apabila mereka bercadang untuk menyertai dalam kejohanan olahraga master di luar Negara. POMM akan menyokong borang penyertaan serta memberi surat mohon cuti tanpa rekod kepada atlet apabila diperlukan.

Ramai atlet master menyertai dalam Kejohanan Olahraga Master Malaysia anjuran POMM pada setiap tahun. Tahniah kepada atlet-atlet master yang menyertai dalam semua aktiviti POMM di Malaysia.

Tetapi terdapat beberapa orang atlet master yang berminat untuk menyertai dalam kejohanan-kejohanan di luar Negara tetapi tidak menyertai dalam Kejohanan Olahraga Master Malaysia. Mereka tidak memberi sokongan kepada aktiviti dalam Negara. Terdapat juga beberapa orang atlet master yang dapat cuti tanpa rekod yang diberikan dan menggunakan cuti untuk melancong dan bukan untuk menyertai dalam kejohanan.

Dengan mengambilkira perkara-perkara tersebut di atas, Ahli Majlis Tertinggi POMM telah menggariskan syarat-syarat berikut untuk menjaga imej atlet master Negara:

**KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER ASIA KE-21 (2019)**

- (1). Syarat untuk menerima baju trek dan lain-lain bahan sebagai atlet kontinjen Malaysia:
  - i. **Mesti mengambil bahagian dalam Kejohanan Olahraga Master Malaysia tahun 2018 dan atau 2019**
  - ii. **Mesti mengambil bahagian dalam March Pass semasa Upacara Perasmian Kejohanan**

**Jika tidak mengambil bahagian dalam Kejohanan Olahraga Master Malaysia tahun 2018 atau pun 2019 ,**

- iii. Masih boleh mengambil bahagian, tetapi tidak akan diberi baju trek dan lain-lain bahan seperti atlet-atlet Negara yang lain dan
- iv. Tidak boleh mengambil bahagian dalam March pass.
- v. Jika hendak mengambil bahagian dalam March Pass, mesti membeli baju trek sama yang dibekalkan untuk kontinjen kita.

**(2). ATLET MASTER DARI PERSATUAN OLAHRAGA MASTER NEGERI**

**POMM mempunyai Persatuan-Persatuan Olahraga Master Negeri sebagai Ahli Gabungan POMM.**

- i. Semua atlet yang menjadi ahli dalam Persatuan Olahraga Master Negeri, **mesti berurusan dengan Persatuan negeri masing-masing sahaja.**
- ii. Apa sahaja perkara yang hendak dibincang mestilah melalui Persatuan Olahraga Master Negeri – Ini bermaksud hanya perkara yang dikemukakan oleh Setiausaha / Presiden Persatuan Olahraga Master Negeri sahaja yang akan dilayan oleh Majlis Tertinggi POMM.

Ini adalah kerana Persatuan Olahraga Master Negeri mesti mengetahui apa sahaja perkara yang berkaitan dengan atlet mereka dan bertanggungjawab terhadap atlet mereka.

Kami berharap, cara ini akan memastikan semua urusan mengenai ahli persatuan diuruskan secara sistematik dan efektif.

**SGT (B) G.P. BALAN  
SETIAUSAHA KHT  
POMM  
1 MEI 2018**